

# KAPS-18

## Kod Amalan Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama

SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)

Cetakan Pertama 2018 (KAPS 18)  
© Sekolah Pengajian Siswazah, 1992

Kod Amalan Pengajian Siswazah (KAPS 01 -18)  
Diluluskan Jawatankuasa Eksekutif Sekolah Pengajian Siswazah (4 Julai 2012)  
Diluluskan Mesyuarat JKTS Dasar dan Entiti Akademik (7 Mac 2018)  
Diluluskan SENAT UTM Bil 07/2017/2018 (21 Mac 2018)

Sekolah Pengajian Siswazah  
81310 UTM Johor Bahru  
Johor Darul Ta'zim

### ***Visi UTM***

*Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.*

### ***Visi SPS***

*UTM akan menjadi sebuah universiti yang berasaskan kepada Pengajian Pasca siswazah dan sebuah pusat rujukan pendidikan siswazah*

### ***Misi UTM***

*Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah negara.*

### ***Misi SPS***

*Mewujudkan sebuah pusat pendidikan siswazah yang mempunyai ekosistem pembelajaran yang menawarkan program-program berkualiti dan memperkayakan pengalaman pelajar untuk berhadapan dengan dunia yang mencabar.*

## ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	SKOP	1
3.0	DEFINISI	5
4.0	PELAKSANAAN	8
5.0	PROSEDUR	13
6.0	PENAWARAN PROGRAM DWI IJAZAH ( <i>DOUBLE DEGREE</i> ), DUAL IJAZAH ( <i>DUAL DEGREE</i> ) DAN IJAZAH BERSAMA ( <i>JOINT DEGREE</i> )	16
7.0	DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN	17

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Selaras dengan aspirasi pengantarabangsaan, pihak universiti amat menggalakkan Fakulti/Sekolah/Akademi untuk melaksanakan program pendidikan transnational bagi menjadikan UTM setanding dengan universiti ternama lain.
- 1.2 Kod amalan ini bertujuan untuk mewujudkan garis panduan bagi pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*) diperingkat pasca-ijazah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- 1.3 Kod amalan ini boleh dijadikan panduan oleh pentadbir akademik dan kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan di peringkat Fakulti/Sekolah/Akademi dan universiti dalam pelaksanaan program-program ini.

## 2.0 SKOP

- 2.1 Kod amalan ini adalah dokumen rujukan bagi inisiatif untuk pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*) di antara UTM dengan universiti lain di dalam atau luar negara.

## 3.0 DEFINISI

- 3.1 Program Dwi Ijazah (*Double Degree Program*)  
Program Dwi Ijazah bermaksud **gabungan dua program** pengajian daripada **dua bidang yang berbeza** yang melibatkan **dua universiti** sama ada di dalam atau luar negara. Program ini boleh ditawarkan di peringkat UTM yang melibatkan dua fakulti yang berbeza. Pelajar akan menerima **dua ijazah yang berasingan** selepas berjaya memenuhi semua syarat-syarat penganugerahan kedua-dua universiti.

- 3.2 Program Dual Ijazah (*Dual Degree Program*)  
Program Dual Ijazah bermaksud **gabungan dua program** pengajian daripada **bidang yang sama atau hampir sama** yang melibatkan **dua universiti** yang berbeza sama ada di dalam atau luar negara. Pelajar akan menerima **dua ijazah yang berasingan** daripada universiti yang bekerjasama selepas berjaya memenuhi semua syarat-syarat penganugerahan kedua-dua universiti.
- 3.3 Ijazah Bersama (*Joint Degree*)  
Program Ijazah Bersama bermaksud program pengajian yang dijalankan secara **kerjasama** di antara UTM dan sebuah universiti luar atau dalam negara yang membawa kepada satu skrol penganugerahan bersama yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti.
- 3.4 PTJ  
Fakulti/Sekolah/Akademi dalam UTM
- 3.5 Pentadbir Akademik  
Semua staf akademik yang tugasnya merangkumi tugas pentadbiran termasuk Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah dan Pengurus Akademik.
- 3.6 Staf Akademik  
Seseorang yang dilantik menjadi tenaga pengajar oleh Universiti dan termasuk profesor, profesor madya, pensyarah kanan, dan pensyarah.
- 3.7 Kumpulan Pengurusan & Profesional  
Staf bukan akademik yang mempunyai kelayakan minimum Ijazah Sarjana Muda.
- 3.8 Kumpulan Sokongan  
Staf bukan akademik yang mempunyai kelayakan minimum di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

- 3.9 MQA  
Agensi Kelayakan Malaysia
- 3.10 UTM QRIM  
UTM Centre for Quality & Risk Management
- 3.11 KPT  
Kementerian Pendidikan Tinggi
- 3.12 UTM TEC  
UTM *Technology Entrepreneur Centre*
- 3.13 UTM CC  
Pusat Kerjaya UTM
- 3.14 *Horizontal Credit Transfer*  
Permindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama.  
Contoh daripada peringkat ijazah sarjana ke ijazah sarjana sahaja.
- 3.15 *'Home university dan host university'*  
Penggunaan istilah *'home university'* merujuk kepada UTM manakala *'host university'* merujuk kepada universiti lain yang terlibat dalam program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*).

## 4.0 PERLAKSANAAN

### 4.1 PRINSIP

- 4.1.1 Pihak UTM sentiasa mengalakkan dan menyokong inisiatif untuk mewujudkan program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*) diperingkat pasca-ijazah di antara UTM dengan universiti dalam dan luar negara.
- 4.1.2 Program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*) boleh dilaksanakan oleh pihak Fakulti/Sekolah/Akademi diperingkat Sarjana / Doktor

Falsafah secara penyelidikan, kerja kursus (*coursework*) dan kerja kursus dan penyelidikan (*mixed-mode*).

- 4.1.3 Fakulti digalakkan merancang program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*) sebagai satu usaha bagi memartabatkan program-program ijazah kedoktoran dan sarjana ke arah pengantarabangsaan.
- 4.1.4 Pelaksanaan program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*) memberi kelebihan kepada pelajar dari segi pengiktirafan disamping menambah nilai kualiti program pengajian siswazah di UTM.
- 4.1.5 Disamping galakan yang diberikan, pihak universiti masih memandang serius pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Senat Universiti dan Pekeliling yang dikeluarkan MQA serta KPT dari semasa ke semasa.

## 4.2 PENYATAAN PERLAKSANAAN

### 4.2.1 Penyataan Umum

- 4.2.1.1 Universiti bertanggungjawab memantau pelaksanaan setiap program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*) mengikut amalan biasa dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UTM.
- 4.2.1.2 Setiap pelajar dalam program dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Akademik dan syarat-syarat penganugerahan kedua-dua universiti.
- 4.2.1.3 Program dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama boleh dilaksanakan untuk semua mod pengajian iaitu penyelidikan (*research*), kerja kursus (*coursework*) dan kerja kursus dan penyelidikan (*mixed-mode*).
- 4.2.1.4 Proses kerja bagi permohonan penubuhan program adalah seperti di **Lampiran 1**.



- 4.2.1.5 Fakulti/Sekolah/Akademi dikehendaki menyatakan syarat-syarat perpindahan kredit, kursus yang setaraf dan peraturan berkaitan di antara universiti pertama dan kedua dengan terperinci dengan merujuk berdasarkan Kredit Pindah MQA.
- 4.2.1.6 Fakulti/Sekolah/Akademi dikehendaki merujuk dengan Pejabat penasihat Undang-Undang UTM bagi tujuan menandatangani dokumen MoU / MoA / Surat Cara bagi setiap program dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama dengan universiti kedua.
- 4.2.1.7 Fakulti/Sekolah/Akademi perlu mendapatkan kelulusan Senat Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti dan membuat pemakluman ke Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum menjalankan sebarang program dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama.
- 4.2.1.8 Hanya program yang telah mendapat status akreditasi penuh sahaja yang layak dijadikan program dwi ijazah , dual ijazah dan ijazah bersama.
- 4.2.1.9 Penerangan perbezaan utama bagi program dwi ijazah , dual ijazah dan ijazah bersama adalah seperti **di Lampiran 2**.

### 4.3 PENYATAAN KHUSUS

#### 4.3.1 Program Dwi Ijazah (Double Degree)

- i. Pemilik program adalah oleh kedua-dua Universiti/Fakulti/Akademi (*home university* dan *host university*) yang terlibat dalam program ini.
- ii. Syarat kemasukan bagi program ini perlu merujuk kepada syarat di kedua-dua universiti.
- iii. Pendaftaran pengajian perlu dibuat di kedua-dua universiti.
- iv. Bayaran yuran pengajian bagi pelajar perlu dibuat bagi kedua-dua universiti/fakulti/akademi berdasarkan kadar yang dipersetujui dalam perjanjian MoU / MoA / Surat Cara.

- v. Struktur kurikulum ditentukan oleh kedua-dua universiti masing-masing.
- vi. Pelajar boleh mengikuti program pengajian samada secara serentak (*concurrent*) ataupun berturutan (*sequential*).
- vii. Pelajar layak untuk mendapatkan peratusan perpindahan kredit mengikut Peraturan akademik Pengajian Siswazah UTM.
- viii. Pelajar wajib menjalani program sangkutan penyelidikan/kelas/kursus bagi tempoh minimum satu (1) semester di *host university*.
- ix. Pelajar perlu mendapatkan seorang penyelia utama dari UTM dan seorang lagi penyelia utama dari Universiti/Fakulti/Akademi yang terlibat dalam program dwi ijazah ini.
- x. Pelajar perlu mengemukakan dua tesis yang berbeza untuk penilaian di universiti masing-masing.
- xi. Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan di *home university* dan *host university*.
- xii. Bilangan peperiksaan lisan yang diduduki oleh pelajar bergantung kepada keperluan kedua-dua Universiti/Fakulti/Akademi.
- xiii. Pelajar layak untuk dianugerahkan ijazah dari kedua-dua universiti sekiranya memenuhi syarat penganugerahan.
- xiv. Pelajar akan menerima dua skrol yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti yang terlibat dalam program dwi ijazah ini
- xv. Nomenclature penganugerahan adalah mengikut program dari kedua-dua universiti.
- xvi. Jenis program dwi ijazah dinyatakan dalam transkrip yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti.

#### 4.3.2 Program Dual Ijazah (Dual Degree)

- i. Pemilik program adalah oleh kedua-dua Universiti/Fakulti/Akademi (*home university* dan *host university*) yang terlibat dalam program ini.

- ii. Syarat kemasukan bagi program ini perlu merujuk kepada syarat di kedua-dua universiti.
- iii. Pendaftaran pengajian perlu dibuat di kedua-dua universiti.
- iv. Bayaran yuran pengajian bagi pelajar perlu dibuat bagi kedua-dua Universiti/Fakulti/Akademi berdasarkan kadar yang dipersetujui dalam perjanjian MoU / MoA / Surat Cara.
- v. Struktur kurikulum ditentukan oleh kedua-dua universiti masing-masing.
- vi. Pelajar perlu mengikuti program pengajian secara serentak (*concurrent*).
- vii. Pelajar layak untuk mendapatkan peratusan perpindahan kredit mengikut perpindahan kredit secara *horizontal* oleh MQA.
- viii. Pelajar wajib menjalani program sangkutan penyelidikan/kelas/kursus bagi tempoh minimum satu (1) semester di *host university*.
- ix. Pelajar perlu mengemukakan satu tesis / disertasi / projek sarjana sahaja untuk penilaian.
- x. Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan di *home university* dan *host university*.
- xi. Bilangan peperiksaan lisan yang diduduki oleh pelajar bergantung kepada keperluan kedua-dua Universiti/Fakulti/Akademi.
- xii. Pelajar layak untuk dianugerahkan ijazah dari kedua-dua universiti sekiranya memenuhi syarat penganugerahan.
- xiii. Pelajar akan menerima dua skrol yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti yang terlibat dalam program dual ijazah ini. Pernyataan khas (*linking statement*) yang menghubungkan dua skrol penganugerahan perlu tercatat di dalam skrol. Contoh *linking statement* adalah seperti dalam Rajah 1:

This degree is conferred under a Dual Degree Program agreement between xxxxxxxxxxxxxxxxxxxx and xxxxxxxxxxxxxxxxxxxx.

**Rajah 1:** Contoh pernyataan khas (*linking statement*)

- xvii. Nomenclature penganugerahan adalah mengikut program dari kedua-dua universiti.
- xviii. Jenis program dual ijazah dinyatakan dalam transkrip yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti.

#### 4.3.3 Program Ijazah Bersama (Joint Degree)

- i. Pemilik program adalah UTM (*home university*).
- ii. Pendaftaran pengajian perlu dibuat di kedua-dua universiti.
- iii. Bayaran yuran pengajian bagi pelajar perlu dibuat di UTM (*home university*).
- iv. Struktur kurikulum dirangka dan dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti.
- v. Pelajar perlu mengikuti program pengajian secara serentak (*concurrent*).
- vi. Pelajar layak untuk mendapatkan peratusan perpindahan kredit mengikut perpindahan kredit secara *horizontal* oleh MQA
- vii. Pelajar wajib menjalani program sangkutan penyelidikan/kelas/kursus bagi tempoh minimum satu (1) semester di *host university*.
- viii. Pelajar perlu mendapatkan seorang penyelia utama dari UTM dan seorang lagi penyelia bersama dari Universiti/Fakulti/Akademi yang terlibat dalam program ijazah bersama (*joint degree*) ini.
- ix. Bilangan pemeriksa adalah berdasarkan bilangan yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua universiti.
- x. Pelajar perlu menjalani satu (1) sesi peperiksaan lisan sahaja.

- xi. Pelajar perlu mengemukakan satu tesis sahaja untuk penilaian.
  - xii. Pelajar layak untuk dianugerahkan ijazah dari kedua-dua universiti sekiranya memenuhi syarat penganugerahan.
  - xiii. Pelajar akan menerima satu skrol penganugerahan bersama yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti.
  - xiv. Nomenclature penganugerahan adalah mengikut program dari kedua-dua universiti.
  - xv. Jenis program ijazah bersama dinyatakan dalam transkrip yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti secara bersama.
- 4.3.3.1 Perkara 2.2.1 dan 2.2.2 boleh dipinda berdasarkan persetujuan antara universiti menerusi Memorandum Perjanjian (MoA).

## 5.0 PROSEDUR

### 5.1 TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab melaksanakan kod amalan ini meliputi pihak yang berikut:

#### 5.1.1 Fakulti

- i. Fakulti perlu menamakan satu jawatankuasa penubuhan program baru bagi tujuan penyediaan kertas kerja, menyemak dan mengesahkan dokumen-dokumen sebelum kertas kerja tersebut dihantar ke pihak atasan.
- ii. Satu kertas kerja perlu disediakan oleh fakulti meliputi perkara-perkara berikut:
  - a. Perjanjian kerjasama serta terma dan syarat dari universiti kedua mengenai Program Ijazah Berganda atau Pasca-Ijazah secara Usahasama.
  - b. Penerangan secara terperinci tentang cadangan perlaksanaan program dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama di UTM.

- c. Syarat-syarat, peraturan dan aspek undang-undang yang perlu dilalui oleh kedua-dua universiti.
  - d. Syarat serta kelayakan dan pra-kelayakan calon dari UTM dan universiti kedua bagi menyertai program-program ini.
  - e. Peraturan akademik di UTM dan universiti kedua mengenai syarat-syarat peperiksaan, penyeliaan, kursus persediaan, peperiksaan, penghantaran tesis, penganugerahan ijazah, dll.
  - f. Pelaksanaan dari segi penyeliaan pelajar, dan penggunaan sumber-sumber seperti makmal dan perpustakaan.
  - g. Perkiraan perbelanjaan yuran, kos sara hidup, penajaan, dll. yang akan dihadapi oleh pelajar. Juga, cadangan kos yang akan dihadapi oleh UTM.
  - h. Penajaan, penempatan, insuran, dll. pelajar di universiti kedua.
  - i. Cadangan pelaksanaan dari segi jadual akademik melibatkan penempatan pelajar di universiti pertama dan kedua.
- iii. Setiap program dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama memerlukan Perjanjian Kerjasama (Memorandum of Understanding) dengan universiti tersebut terlebih dahulu. Rujukan dengan Unit Undang-Undang UTM adalah dikehendaki bagi tujuan ini.

#### **5.1.2 Sekolah Pengajian Siswazah / Jawatankuasa Semakan Kertas Kerja Program Pengajian Siswazah / Jawatankuasa Tetap Senat (Kurikulum & Kualiti Akademik)**

- i. Bertanggungjawab untuk menyemak kandungan berdasarkan format terkini mengikut format JKPT untuk Permohonan Program Baharu.

- ii. Membantu universiti dalam merekabentuk dan melaksana kurikulum berdasarkan Inovasi Pembelajaran Akademia Baru dan selaras dengan keperluan Pembelajaran Abad ke-21 menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) [PPPM (PT)] 2015-2025.
- iii. Memastikan program yang dibentuk menjurus dan menyokong pelaksanaan New Academia Learning Innovation-(NALI) dan Blended Learning (BL) yang mana merangkumi kaedah penyampaian, bahan pengajaran dan penggunaan sumber digital dengan pelaksanaan Massive Open Online Courses (MOOCs), Open Courseware (OCW), Student-to-Student (S2S) Edutainment, projek UTM-MIT BLOSSOMS, Video of Exemplary Professionals dan UTM e-Learning dan berbentuk 'Multi-Disciplinary'.

### 5.1.3 UTM TEC dan UTM CC

- i. Bertanggungjawab untuk membantu fakulti dalam menghasilkan program yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan ke tahap global melalui Pemerkasaan Tradisi dan Minda Keusahawanan.
- ii. Memberi maklumbalas berkenaan kebolehpasaran graduan bagi program yang dicadangkan untuk tempoh masa panjang dengan merujuk bahan yang dikeluarkan oleh Labour Force Survey (LFS), ILMIA, TalentCorp, JobStreet.com, JPA, DOSM, COL untuk Keperluan Guna Tenaga dan MIDA serta Pelan Industri untuk Keperluan Industri.
- iii. Memberi maklum balas berkenaan program yang bakal ditawarkan dan hubungkait serta kepentingan kepada pihak industri dalam tempoh jangka panjang.

### 5.1.4 Bendahari

- i. Memberi maklumbalas berkenaan kos yuran yang dikenakan oleh pihak fakulti samada wajar dan memberi keuntungan atau tidak kepada pihak UTM selaras dengan pendekatan kemampuan kewangan 'financial sustainability' universiti

- ii. Merancang 'business model' sesebuah program untuk kelestarian program berkenaan.

## 6.0 PENAWARAN PROGRAM DWI IJAZAH (*DOUBLE DEGREE*), DUAL IJAZAH (*DUAL DEGREE*) DAN IJAZAH BERSAMA (*JOINT DEGREE*)

- 6.1 Fakulti/Sekolah/Akademi yang terlibat dalam penawaran program ini perlu mempunyai memorandum perjanjian atau persefahaman yang jelas dan komprehensif.
- 6.2 Program yang terlibat hendaklah kedua-duanya mencapai status Akreditasi / pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.
- 6.3 Universiti hanya menawarkan pelajar yang mempunyai rekod pencapaian akademik yang cemerlang bagi mengikuti program program dwi ijazah (*double degree*), dual ijazah (*dual degree*) dan ijazah bersama (*joint degree*).
- 6.4 Penawaran program dwi ijazah (*double degree*) dilaksanakan secara serentak (*concurrent*) ataupun berturutan (*sequential*) tertakluk kepada pertimbangan dengan berpandukan konsep penawaran dibawah;

### i) Berturutan (*Sequential*)

Hanya pelajar yang telah mengikuti sepenuhnya program pengajian di universiti pertama dengan rekod akademik yang cemerlang sahaja layak memohon mengikuti program pengajian di universiti kedua. Permohonan mengikuti program dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama dibuat secara berasingan dan persetujuan fakulti / PTJ / sekolah yang terlibat.

### ii) Serentak (*Concurrent*)

Hanya pelajar yang telah mengikuti dan lulus sebahagian program di universiti pertama dengan rekod akademik yang cemerlang boleh dipertimbangkan untuk mendaftar dan mengikuti program di universiti kedua.



- a) Pindah kredit hanya boleh dilakukan secara *Horizontal*.
- b) Syarat umum pindah kredit (Pertindahan / Perpindahan Kursus/Kredit) mengikut Dasar Kredit Pindah oleh MQA dan Peraturan akademik Pengajian Siswazah UTM.
- c) Tempoh permastautin (residential year) di universiti kedua adalah sekurang-kurangnya 1 semester.

## 7.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

- i. Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah (KAPS-03), SPS UTM
- ii. Manual Kualiti Pengajian Siswazah, SPS UTM
- iii. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, SPS UTM
- iv. Buku Panduan Akademik Fakulti
- v. Polisi Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama
- vi. Garis Panduan Program Pasca-Ijazah Berganda (Double Post-Graduate Degrees) dan Ijazah Pasca-Ijazah Secara Usahasama (Joint Post-Graduate Degree) Di UTM
- vii. Dasar Jaminan Kualiti yang Diputuskan Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil 1 / 2012 – Bil 3 / 2013
- viii. *Malaysia Quality Assurance System: Support System For Flexible Learning*
- ix. Garis Panduan Permohonan Program Akademik Edisi Kedua 2015 Kementerian Pendidikan Tinggi
- x. Dasar Pindah Kredit MQA
- xi. Polisi dan Prosidur TNE UTM